

20/02/2003

Insaf dengan penderitaan remaja di bumi Palestin

MINGGU ini, negara kita menjadi perhatian dunia kerana berlangsungnya Persidangan ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), mulai hari ini hingga 25 Februari. Ia dihadiri pegawai, menteri serta ketua kerajaan 114 negara dari seluruh dunia. Sebagai rakyat Malaysia, kita wajar bangga kerana Kuala Lumpur dipilih sebagai tuan rumah persidangan kali ini, sekali gus membuktikan Malaysia diberi kepercayaan mengendalikan acara besar bertaraf dunia.

Sempena persidangan itu, baru-baru ini kita juga dikunjungi 11 rakyat Palestin, yang turut disertai tiga remaja negara berkenaan. Kunjungan mereka ditaja dan atas jemputan Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia). Ia bertepatan dengan Kempen Keamanan yang dianjurkan, khusus sempena Persidangan NAM di Kuala Lumpur.

Mereka bukan saja diberi layanan istimewa, malah cukup bertuah kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut meluangkan masa meraikan mereka. Selain meraih sokongan kerajaan dan rakyat Malaysia terhadap perjuangan mereka mempertahankan bumi Palestin, mereka juga diundang menyertai rakyat Malaysia di Perhimpunan Keamanan besar-besaran, Sabtu ini di Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Kita mengalu-alukan kunjungan mereka ke sini. Mereka tentunya kagum dan cemburu melihat kedamaian, keamanan dan keharmonian hidup rakyat pelbagai kaum di Malaysia. Sesungguhnya kita amat bernasib baik dan bertuah kerana dapat menikmati alam persekolahan dengan sempurna, berbanding pelajar di Palestin, yang sentiasa diancam peperangan dan kebuluran. Mendengar kisah kehidupan yang mereka lalui, membuatkan kita insaf dan bersyukur dengan kemakmuran yang dinikmati di bumi Malaysia. Apa yang perlu kita lakukan hanyalah menunaikan tanggungjawab terbaik, untuk menimba ilmu pengetahuan dan menjadi rakyat berguna kepada agama, bangsa dan negara.